

15 AUG 2002

Nik Aziz-Bunyamin

NIK AZIZ MINTA BUNYAMIN BANTU SIASATAN POLIS

KOTA BAHARU, 15 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta bekas anggota Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, supaya tampil secara sukarela untuk membantu siasatan polis terhadapnya.

Nik Aziz berkata tidak wajar bagi Bunyamin berdiam diri atau menyembunyikan diri, sebaliknya perlu membantu siasatan polis berhubung dakwaannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

"(Bunyamin) mesti tampil, tak boleh sembunyi diri macam ini. Sembunyi diri tandanya kita salah," kata Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am Pas, kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani semalam bahawa polis gagal untuk mendapatkan keterangan daripada Bunyamin.

Abdul Rahim berkata polis telah cuba menghubungi Bunyamin di dua kediamannya di Bachok tetapi diberitahu dia tidak pulang ke rumah.

Bunyamin, 56, ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (putik) di Pengkalan Chepa pada 15 Mac lepas, dikatakan membuat dakwaan bahawa Dr Mahathir melihat videoe lucu bersama cucunya.

Petikan ceramahnya itu disiarkan Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis dibuat di Kuala Terengganu, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Nik Aziz berkata rakyat negara ini termasuk Bunyamin perlu taat kepada polis dan patuh kepada arahan dan peraturan.

Polis menjalankan siasatan kes itu mengikut seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948, yang jika sabit kesalahan membawa hukuman maksimum denda RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

-- BERNAMA

RAR NMO